

07 SEP 1997

Mahathir-Kelab

PM SETUJU PENUBUHAN MAJLIS KELAB-KELAB UMNO SEDUNIA

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bersetuju pada dasarnya cadangan penubuhan Majlis Kelab-kelab Umno Sedunia untuk penyelaras program-program ke arah menyediakan pelajar Malaysia di seberang laut untuk memasuki alaf baru.

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, menyatakan persetujuan itu pada pertemuan dengan para pemimpin 22 Kelab Umno di luar negeri yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno 1997 di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

"Kelab-kelab Umno sepakat bahawa telah sampai masanya kelab-kelab Umno ini membentuk Majlis Kelab Umno Sedunia dengan harapan kami dapat mempertingkatkan usaha ke arah menyiapkan diri seluruh anggota Umno khususnya dan mahasiswa Malaysia umumnya untuk menghadapi alaf baru.

"Kita beri memorandum (cadangan penubuhan majlis itu) tadi dan memohon restu daripada beliau (Dr Mahathir) dan beliau pada dasarnya memberi restu dengan apa yang kami cadangkan itu," kata Long Kechik, Presiden Kelab Umno Pekan Baru, Indonesia, yang bertindak sebagai jurucakap Kelab-kelab Umno itu selepas pertemuan mereka dengan Perdana Menteri.

Long yakin penubuhan majlis itu akan menjadi kenyataan tidak lama lagi berdasarkan komitmen yang ditunjukkan Perdana Menteri pada pertemuan itu walaupun cadangan mereka masih perlu dikemukakan kepada Majlis Tertinggi Umno bagi mendapatkan persetujuan.

Katanya, anggota jawatankuasa majlis itu terdiri daripada kepimpinan kelab-kelab Umno di seberang laut manakala ibu pejabat Umno di sini dicadangkan sebagai sekretariatnya.

"Pertemuan setahun sekali ini (pada perhimpunan agung Umno) akan dijadikan tempat untuk kami selaraskan program-program yang dirancang," katanya.

Long berkata, penubuhan majlis itu amat diperlukan kerana selama ini kelab-kelab Umno di seberang laut bergerak secara bersendirian tanpa sebarang perangkaan sesama mereka dan ia juga sering dianggap sebagai alat Umno.

"Memang kami menerima bantuan sebanyak RM2,000 setahun daripada ibu pejabat Umno untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kami tetapi Umno tidak pernah menetapkan syarat untuk membuat itu atau ini (untuk kepentingan Umno).

"Kelab ini sebenarnya menjadi wadah untuk kita menjadi alat bagi merapatkan lagi seluruh generasi muda kita (di seberang laut) dengan para pemimpin negara," katanya.

Sebelum itu, mereka menemui Timbalan Presiden parti Datuk Seri Anwar Ibrahim yang telah memberi penjelasan pelbagai perkara berkaitan parti dan isu semasa khususnya kejatuhan ringgit dan pasaran saham baru-baru ini.

Long berkata isu-isu yang dijelaskan oleh Anwar, yang juga Menteri Kewangan, difahami mereka dan ia akan memudahkan mereka menjelaskannya kepada anggota di tempat masing-masing.

"Kita perlu faham, di luar negara bukan sahaja terdapat orang Melayu, Di sana terdapat kaum lain dari Malaysia seperti India dan Cina dan kita harus berurusan dengan mereka supaya mereka melihat Umno betul dan baik," katanya.

Katanya, Anwar juga mengingatkan bahawa sebagai pelajar, tugas mereka adalah belajar dan perlu mengimbangkan antara ilmu dan iman.

"Pada keseluruhannya kami berpuas hati dengan semua penjelasan yang

disampaikan Anwar dan ini akan memudahkan kita untuk menerangkan kepada anggota yang lain mengenai apa yang berlaku di negara kita," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden parti Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memberitahu wakil-wakil Kelab Umno itu bahawa Biro Antarabangsa Umno akan bertanggungjawab memaklumkan kepada mereka mengenai aktiviti parti di negara ini.

Semasa berucap pada jamuan tengah hari yang beliau anjurkan bagi pelajar berkenaan, beliau berkata banyak perkara berkaitan parti yang berlaku akan mudah disalurkan kepada pelajar dengan adanya biro yang baru ditubuhkan itu.

Pelajar-pelajar itu turut menemui Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datin Paduka Zaleha Ismail.

Zaleha mengingatkan mereka supaya bekerjasama sebagai satu pasukan kerana dengan kerjasama dan keikhlasan akan membawa kepada kejayaan.

"Sebagai ibu, saya mengingatkan anak-anak semua supaya jangan putus asa untuk mencapai apa jua yang dicita-cita dan pandai membahagikan masa antara belajar dan berpolitik," katanya. -- BERNAMA

NZ AHH